



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**IDENTITI MELAYU DALAM NOVEL PEMENANG SAYEMBARA FIKSYEN  
SAINS DAN TEKNOLOGI BERDASARKAN KERANGKA TEORI SISTEM  
PEMIKIRAN BERSEPADU**

**ROSNANI BINTI MD ZAIN**

**FBMK 2022 45**



**IDENTITI MELAYU DALAM NOVEL PEMENANG SAYEMBARA FIKSYEN  
SAINS DAN TEKNOLOGI BERDASARKAN KERANGKA TEORI SISTEM  
PEMIKIRAN BERSEPADU**

Oleh

**ROSNANI BINTI MD ZAIN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Mac 2022

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Syukur Alhamdulillah dengan limpah, keberkatan dan rahmat dariNya, tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Kepada ibuku tercinta Khadijah binti Ismail:  
terima kasih kerana melahirkan, membesarakan dan mendidik anakmu ini hingga ke menara gading walaupun kehidupan kita serba kekurangan. Dialah ayah dialah juga ibu. Tidak putus-putus memberikan dorongan dan semangat ketika diri ini hampir rebah.

Kepada adik-beradikku:  
Kasmawati, Normawati, Asmawi, Mohd. Sobri, Rosliza dan Akbar

Kepada putera puteri pewaris bangsa yang dikasihi:  
Muhammad Nuruddin, Muhammad Firash Arshad, Muhamad Ziyad Irsyad, Mohammad Ammar dan Muhammad Anas

Khasmira Irwayu, Zafiera Aulieya, Nur Amni Sofea, Nur Auni Natasha, Dhuha Amanda, Nur Sarah Raisyah, Nur Raisyah Sofia dan Nalya Medina, juga terima kasih tidak terhingga kepada penyelia saya, Profesor. Madya. Dr. Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**IDENTITI MELAYU DALAM NOVEL PEMENANG SAYEMBARA FIKSYEN  
SAINS DAN TEKNOLOGI BERDASARKAN KERANGKA TEORI SISTEM  
PEMIKIRAN BERSEPADU**

Oleh

**ROSNANI BINTI MD ZAIN**

Mac 2022

**Pengerusi : Profesor Madya Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Identiti Melayu dalam novel fiksyen sains dan teknologi bermaksud ciri-ciri atau sifat istimewa yang dimiliki oleh masyarakat Melayu yang membezakannya dengan masyarakat lain di Malaysia. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2010 hingga 2017, mencetuskan rasa tidak puas hati beberapa panel penilai Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi kerana dikatakan novel-novel yang dihasilkan dari sayembara tersebut kurang menerapkan aspek identiti Melayu. Tambahan lagi, terdapat juga kritikan daripada para sarjana tempatan yang mendakwa novel-novel yang dihasilkan kurang memaparkan identiti Melayu dan lebih cenderung meniru gaya penulisan fiksyen sains dan teknologi Barat. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasi aspek identiti Melayu, menganalisis aspek identiti Melayu (berdasarkan kerangka teori SPB4K) dan merumuskan aspek identiti Melayu yang dominan terdapat dalam novel-novel kajian. Metodologi berbentuk kualitatif iaitu kepustakaan dan analisis teks digunakan dalam kajian ini. Sampel data yang digunakan ialah sebanyak 20 buah novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2010 hingga 2017. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat empat komponen identiti Melayu dalam novel-novel kajian iaitu identiti Melayu dalam aspek sosiobudaya, intelektual, estetika dan peradaban. Identiti Melayu dalam aspek sosiobudaya merangkumi aspek kekeluargaan, kemasyarakatan dan kepercayaan. Identiti Melayu dalam aspek intelektual pula memperlihatkan aspek kebijaksanaan dan kebolehan masyarakat Melayu mereka cipta teknologi untuk kegunaan mereka. Manakala identiti Melayu dalam aspek estetika pula mengetengahkan bentuk-bentuk bahasa iaitu peribahasa, bahasa Melayu formal dan bahasa rojak. Seterusnya ialah identiti Melayu dalam aspek peradaban yang mengetengahkan kepentingan pendidikan sains dan teknologi serta gaya kepimpinan yang baik untuk membangunkan peradaban Melayu. Kajian yang dilakukan ini juga mendapati bahawa novel-novel yang dikaji tidak sepenuhnya mengandungi aspek identiti Melayu. Namun begitu, intelektual merupakan identiti Melayu yang dominan dalam novel-novel kajian. Signifikan kajian ini ialah penemuan aspek identiti Melayu dalam novel fiksyen sains

dan teknologi di Malaysia yang tidak sepenuhnya mengikut acuan tempatan bersesuaian dengan agama, bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Selain itu, diharapkan juga penemuan ini dapat membantu ke arah penerbitan novel fiksyen sains dan teknologi yang mengandungi aspek identiti Melayu dalam dimensi sains dan teknologi.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**MALAY IDENTITY IN THE WINNING NOVELS OF SCIENCE AND  
TECHNOLOGY FICTION COMPETITION BASED ON THE INTEGRATED  
THINKING THEORETICAL FRAMEWORK**

By

**ROSNANI BINTI MD ZAIN**

**March 2022**

**Chairman : Associate Professor Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Malay identity in the science and technology fiction novel is defined as special characteristics and traits owned by the Malays that distinguish them from other races in Malaysia. In reference to observation, researchers discovered that the winners of Science and Technology Fiction Competition from the years 2010 to 2017 had created dissatisfaction among the judging panel as the novels produced were claimed to be embedded with little Malay identity aspects. By the same token, there were also critics from local scholars who asserted that the novels produced scarcely displayed Malay identity aspects and inclined to imitate science and technology fictions from the West. Hence, the objective of this research is to classify Malay identity and analyze Malay identity aspects (based on integrated thinking theoretical framework), as well as to summarize dominant Malay identity aspects found in the studied novels. Qualitative methodology involving literature review and texts analysis were applied in this study. The sample data used were 20 winning novels of Science and Technology Fiction Competition from the years 2010 to 2017. Research findings disclosed four components of Malay identity in the studied novels which were sociocultural, intellectual, aesthetical and civilization aspects. Malay identity in the sociocultural aspect included kinship, sociology and beliefs. On the other hand, the intellectual aspect portrayed the Malays intellect in solving problems and their ability to invent technology for their uses. Whereas in the aesthetical aspect, the novels exhibited variations of linguistic features namely proverbs, formal Malay language and colloquial language. Another component was civilization in Malay identity that demonstrated the importance of science and technology education in addition to good leadership style purposely for the development of Malay civilization. This research also revealed that the studied novels did not fully encompass Malay identity aspects. Nonetheless, intellectualism was the most dominant aspect found in those novels. The significance of this study was the finding of Malay identity aspects in the science and technology fiction novels that did not comprehensively follow the local mold to suit the religion, language and Malay culture. Above and beyond, it is keenly hoped that this finding will be able to help towards the

publication of science and technology fiction novels that incorporate Malay identity aspect in the science and technology dimensions.



## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah Tuhan Seluruh Alam,  
Syukur Alhamdulillah, akhirnya penulisan ini dapat disiapkan dengan penuh jaya.

Ucapan penghargaan ditujukan kepada Prof. Madya Dr. Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi, Prof. Madya Dr. Kamariah Kamarudin dan Prof. Madya Dr. Salmah Jan Noor Muhammad kerana banyak memberikan tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang penyelidikan ini dilakukan.

Terima kasih juga diucapkan kepada barisan pensyarah FBMK yang pernah mendidik diri ini secara langsung atau tidak langsung:

Prof. Dr. Normaliza Binti Abd Rahim, Prof. Madya Dr. Arba'ie Bin Sujud, Prof. Madya Dr. Mohd Zariat Bin Abdul Rani, Prof. Madya Dr. Zulkifli Bin Mohamad, Prof. Madya Dr. Roslina Binti Abu Bakar, Dr. Halis Azhan Bin Mohd. Hanafiah, Dr. Rahimah Binti Hamdan dan Puan Hajah Halimah Binti Hasan.

Jutaan terima kasih kepada:

Perpustakaan Sultan Abdul Samad UPM, Perpustakaan UM, Perpustakaan UKM, Pusat Dokumentasi Melayu DBP dan sebagainya kerana menyediakan bahan-bahan rujukan terbaik sepanjang penyelidikan ini dijalankan.

Kepada rakan seperjuangan:

Terima kasih kerana berjuang bersama diri ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga perjuangan kita mendapat rahmat Allah.

**ROSNANI BINTI MD ZAIN (14/3/22)  
KG BULOH POH,  
16450, KETEREH, KOTA BHARU KELANTAN**

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nik Rafidah binti Nik Muhamad Affendi, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Kamariah binti Kamarudin, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Salmah Jan binti Noor Muhammad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 11 Ogos 2022

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Rosnani bt Md Zain, GS50865

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi

Tandatangan:

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

---

Profesor Madya

Dr. Nik Rafidah binti Nik Muhammad Affendi

---

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

---

Profesor Madya

Dr. Kamariah binti Kamarudin

---

Tandatangan:

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

---

Profesor Madya

Dr. Salmah Jan binti Noor Muhammad

---

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiii
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	7
1.3 Objektif Kajian	9
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Kepentingan Kajian	10
1.6 Batasan Kajian	10
1.6.1 Batasan Bahan	10
1.6.2 Batasan Aspek	12
1.7 Kaedah Kajian	13
1.8 Definisi Operasional	13
1.8.1 Identiti	13
1.8.2 Jati Diri	15
1.8.3 Identiti Melayu	16
1.8.4 Fiksyen Sains dan Teknologi	18
1.9 Kesimpulan	20
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	21
2.1 Pengenalan	21
2.2 Kajian-Kajian Lepas	21
2.2.1 Kajian Lepas Mengenai Identiti /Jati Diri Melayu dalam Karya Sastera	21
2.2.2 Kajian Lepas Mengenai Genre Fiksyen Sains dan Teknologi	24
2.2.3 Kajian Lepas Mengenai Teori Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)	30
2.3 Kesimpulan	37
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	38
3.1 Pengenalan	38
3.2 Reka Bentuk Kajian	38
3.2.1 Kajian Kepustakaan	39
3.2.2 Kajian Analisis Teks	40
3.3 Pendekatan Teori	40

3.3.1	Latar Belakang Teori SPB4K	40
3.3.2	Prinsip-Prinsip Teori SPB4K	42
3.4	Justifikasi Pemilihan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)	46
3.5	Instrumen Kajian	47
3.5.1	Bahan Kajian	47
3.5.2	Proses Pengumpulan Data	47
3.5.3	Proses Menganalisis Data	48
3.6	Langkah-langkah Analisis Teks	48
3.6.1	Mengklasifikasi Data	48
3.6.2	Peringkat Akhir Analisis Data	48
3.7	Kerangka Konseptual Kajian	50
3.8	Kesimpulan	51
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN</b>	<b>52</b>
4.1	Pengenalan	52
4.2	Pengklasifikasian Identiti Melayu dalam Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi Berdasarkan Kerangka Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K	52
4.2.1	Identiti Melayu dalam aspek Sosiobudaya	52
4.2.2	Identiti Melayu dalam aspek Intelektual	54
4.2.3	Identiti Melayu dalam aspek Estetika	55
4.2.4	Identiti Melayu dalam aspek Peradaban	57
4.3	Analisis Identiti Melayu dalam Novel Pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi Berdasarkan Kerangka Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K	59
4.3.1	Identiti Melayu dalam aspek Sosiobudaya	59
4.3.2	Identiti Melayu dalam aspek Intelektual	91
4.3.3	Identiti Melayu dalam aspek Estetika	101
4.3.4	Identiti Melayu dalam aspek Peradaban	121
<b>5</b>	<b>RUMUSAN</b>	<b>147</b>
5.1	Pengenalan	147
5.2	Rumusan Keseluruhan	147
5.3	Cadangan	153
5.3.1	Penulis novel fiksyen sains dan teknologi	154
5.3.2	Penerbit novel fiksyen sains dan teknologi	155
<b>BIBLIOGRAFI</b>		<b>157</b>
<b>LAMPIRAN</b>		<b>177</b>
<b>BIODATA PELAJAR</b>		<b>185</b>
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		<b>186</b>

## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Muka Surat</b>
1	Urutan induktif kajian kualitatif	39
2	Teori SPB4K (Mohd. Yusof Hasan, 2007)	47
3	Langkah-Langkah Menganalisis Data	49
4	Kerangka Konseptual Kajian	50

## **SENARAI SINGKATAN**

DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
PRPM	Pusat Rujukan Persuratan Melayu
SPB4K	Sistem Pemikiran Bersepadu 4K
Sains Fiksyen	<i>Sci-Fi</i>
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sejarah perkembangan karya fiksyen sains dan teknologi di Malaysia bermula pada penghujung tahun 1960-an. Pada tahun 1967, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Peraduan Mengarang Cerita-Cerita Rekaan Sains. Peraduan ini bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu meneroka tema fiksyen sains dan teknologi untuk bacaan kanak-kanak dan remaja. Namun begitu, peraduan tersebut kurang mendapat sambutan daripada penulis baharu. Hasil peraduan tersebut mendedahkan daripada 178 buah cerita yang dipertandingkan, hanya 8 buah cerita sahaja yang layak memenangi hadiah, iaitu 3 hadiah utama dan 5 lagi hadiah sagu hati sedangkan Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan 30 hadiah kelayakan di samping 3 hadiah utama (Ismail Muhammad, 1968).

Menurut Othman Puteh (1989) meneliti sejarah perkembangan penulisan genre fiksyen sains dan teknologi sepanjang dekad 1960-an tidaklah begitu memberangsangkan. Daripada rentetan tersebut, pengkaji mendapati hanya sebuah karya fiksyen sains dan teknologi sahaja yang dihasilkan iaitu antologi *Benda Ajaib di Bilik Tertutup* (1969) walaupun Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Peraduan Mengarang Cerita-Cerita Rekaan Sains pada tahun 1967. Pada dekad ini juga, genre fiksyen sains dan teknologi dalam bentuk novel belum dihasilkan oleh pengarang sastera kreatif. Menerusi penelitian terhadap perkembangan penulisan genre fiksyen sains dan teknologi pada dekad ini juga boleh dikatakan hampir tiada bahan bacaan untuk kanak-kanak dan remaja.

Seterusnya, menurut S.M. Zakir (2007) dekad 1970-an merupakan indikator yang cukup positif dan memberangsangkan bagi penulisan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia. Antara faktor yang membantu perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi pada dekad ini ialah kelahiran penulis muda dan peranan yang dimainkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Misalnya, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan majalah yang berorientasikan sains seperti *Dewan Pelajar*, *Dewan Siswa* dan *Dewan Perintis* (Cawangan Sabah dan Sarawak). Menerusi penerbitan majalah-majalah tersebut telah mendorong bakat-bakat baharu untuk menulis karya fiksyen sains dan teknologi dan diterbitkan dalam majalah-majalah tersebut. Ini merupakan salah satu inisiatif yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membantu perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia.

Kejayaan terbesar yang dicapai majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka ialah novel bersiri yang pernah tersiar dalam *Dewan Pelajar* pada tahun 1972 iaitu *Kembaraan ke Phobos* karya Teh Zahariah Jahidin dibukukan pada tahun 1979. Karya ini juga di angkat

sebagai novel fiksyen sains dan teknologi pertama di Malaysia (Hizairi Othman, 1998). Selain itu, *Utusan Pelajar* turut menyediakan ruangan penulisan cerpen fiksyen sains dan teknologi untuk kanak-kanak. Antara cerpen fiksyen sains dan teknologi kanak-kanak yang dihasilkan pada dekad tersebut seperti *Sedetik Pertemuan Tanpa Kemesraan* (1975) karya Saadiah Ismail yang di samakan dengan fiksyen sains dan teknologi karya Robert Silverberg berjudul *Recalled To Life* pada tahun 1957 (Hizairi Othman, 1998). Saadiah dan Silverberg mengemukakan memori orang yang masih hidup didatangi oleh wajah dan kenangan-kenangan orang yang telah dibunuhnya menjelma kerana ingin membala dendam.

Kesinambungan daripada usaha Dewan Bahasa dan Pustaka mewujudkan majalah-majalah berorientasikan sains, maka penghasilan genre tersebut semakin berkembang dan telah menarik minat beberapa orang pengarang sastera kanak-kanak dan remaja untuk menjadikan tema sains dan teknologi dalam karya-karya yang dihasilkan (Hizairi Othman, 1998). Antara pengarang yang prolifik pada dekad tersebut seperti Mohd. Ariffin Siri, Rubaidin Siwar, Ghazali Ngah Azia, Jalil A. Rahman, Abdul Ahmad dan sebagainya. Novel fiksyen sains dan teknologi pada dekad ini bertemakan pengembaraan atau penerokaan sekumpulan manusia sama ada ke ruang angkasa lepas, ke dasar laut atau ke suatu alam khayal yang cukup menarik minat pembaca. Antara novel tersebut ialah *Tetamu dari Planet Z* (1979) karya Ajikik, *Seribral Hidrofonik* (1979) dan *Super Akuaman* (1979) karya Mohd. Ariffin Siri dan *Spektra 2000* (1979) karya Rubaidin Siwar.

Misalnya, Ajikik menerusi novel *Tetamu dari Planet Z* (1979) mengisahkan pengembaraan makhluk Z turun ke bumi. Pesawat angkasa lepas makhluk Z digambarkan berbentuk bulat dan bertiang tiga, mempunyai peralatan dalaman yang terdiri daripada peralatan elektronik dan peti besar seperti televisyen dan terdapat rangkaian wayar yang bersambung dengan peti-peti lain. Bangku berkilaft-kilaft yang diperbuat daripada kaca plastik dan terdapat sebuah bilik kurungan dalam pesawat itu. Demikianlah contoh novel fiksyen sains dan teknologi yang dihasilkan pada dekad 1970-an dengan menjadikan pengembaraan ke angkasa lepas, ke dasar laut atau ke suatu alam khayal sebagai tema penceritaan. Manakala subjek yang sering diangkat dalam novel-novel fiksyen sains dan teknologi pada dekad tersebut seperti makhluk asing, pesawat, UFO dan sebagainya.

Melalui pengamatan, pengkaji mendapati bahawa pertumbuhan novel fiksyen sains dan teknologi pada dekad 1970-an ini juga dipengaruhi oleh drama siri televisyen serta novel fiksyen sains dan fantasi dari Barat (Fadli Al-Akiti, 2007). Hal ini demikian kerana, pada penghujung tahun 1970-an, rancangan siri televisyen seperti *Planet of The Apes* (1974), *Star Trek* (1966) dan *Voyage to the Bottom of the Sea* (1961) ditayangkan di Malaysia. Maka terhasillah novel fiksyen sains dan teknologi seperti *Perjalanan Pertama* (1979) karya Shahidan Md. Noh. Menurut Fadli Al-Akiti lagi (2007) novel tersebut dibahagikan kepada dua buah cerita pengembaraan; sebuah cerita mempunyai persamaan dengan pengembaraan ke angkasa dalam *Star Trek* (1966) dan sebuah lagi mempunyai persamaan dengan pengembaraan kapal selam dalam *Voyage to the Bottom of the Sea* (1961). Selain Shahidan Md. Noh, Mishar juga telah terpengaruh dengan gaya

penceritaan fiksyen sains Barat. Hal ini dapat dilihat apabila Mishar menghasilkan *Komik Siri Kapten Merak* (1977) yang mempunyai persamaan cerita pengembaraan angkasa lepas seperti dalam *Star Trek* (1966).

Berdasarkan penelitian, novel-novel yang dikategorikan sebagai genre fiksyen sains dan teknologi terawal di Malaysia ini memperlihatkan kesan saduran yang jelas daripada gaya penulisan fiksyen sains Barat. Peniruan secara langsung daripada penulisan fiksyen sains Barat menyebabkan ketiadaan identiti Melayu dan kelihatan janggal apabila unsur-unsur tersebut di serap dalam penghasilan novel fiksyen sains dan teknologi pada dekad ini. Hal ini ditegaskan oleh Nisah Haron (2014) bahawa penulisan fiksyen sains dan teknologi yang ditulis menggunakan kerangka dari Barat tidak sesuai dengan konteks dunia Melayu dari segi agama, bahasa dan budaya masyarakat Melayu. Demikianlah perkembangan karya fiksyen sains dan teknologi sepanjang dekad 1970-an yang telah melahirkan beberapa buah novel dan siri komik yang menunjukkan kesan positif daripada badan penerbit, pengarang dan khalayak pembaca. Penglibatan ketiga-tiga pihak ini dilihat saling melengkapi antara satu sama lain dan berfungsi sebagai faktor penyumbang kepada perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia yang dihasilkan untuk memenuhi keperluan bahan bacaan kanak-kanak dan remaja.

Dalam dekad 1980-an dianggap sebagai dekad yang sungguh gemilang bagi kemajuan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia (S.M. Zakir, 2007). Banyak karya yang dihasilkan oleh para penulis untuk bacaan kanak-kanak dan remaja. Tidak dapat dinafikan dalam dekad ini, Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai badan yang bertanggungjawab membawa genre fiksyen sains dan teknologi dalam kesusasteraan Melayu moden menerusi sayembara, penerbitan novel-novel fiksyen sains dan teknologi dan penglibatan pengarang sastera dewasa dalam mewarnai penulisan genre fiksyen sains dan teknologi di tanah air. Perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi pada dekad ini juga dibantu oleh beberapa penerbit swasta. Melalui Peraduan Menulis Fiksyen Sains (1980) tersebut, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan novel-novel pemenang. Antaranya novel *Pulau Berukera* (1982) dan *Berukera dari Planet Ulba* (1982) karya Mohd Ismail Sarbini, *Rerama Bermata Merah* (1987) dan *Lorong Terakhir Lorong Maut* (1985) karya Zailiani Taslim, *Nagamikro* (1983) karya A. Rahman Hanafiah atau Mana Sikana dan *Bersinar Wajah yang Layu* karya Amran Chik yang telah diterbitkan pada tahun 1982.

Pada dekad ini, pengarang novel fiksyen sains dan teknologi masih mengekalkan tema dan persoalan seperti tahun 1970-an iaitu pengembaraan dan penerokaan sekumpulan manusia ke angkasa lepas, ke dasar laut atau ke alam khayal serta kedatangan makhluk asing ke bumi menggunakan kapal angkasa. Misalnya, menurut kajian yang dilakukan oleh Fadli Al-Akiti (2007) menerusi novel *Pulau Berukera* (1982) dan *Berukera dari Planet Ulba* (1982) karya Mohd Ismail Sarbini mengisahkan Budin yang telah diculik oleh sekumpulan berukera untuk tinggal bersama mereka. Kemudian, Budin di bedah bagi membolehkan dia menyesuaikan diri dengan dunia berukera yang moden dan berteknologi canggih. Jika diteliti, novel ini mempunyai persamaan tema dan persoalan dengan siri televisyen fiksyen sains Barat iaitu *Planet of The Apes* (1974) yang juga mengangkat watak beruk sebagai bangsa yang bertamadun dan pintar. Berdasarkan

penelitian tersebut, pengkaji dapat merumuskan bahawa genre fiksyen sains dan teknologi Barat banyak mempengaruhi penghasilan novel-novel fiksyen sains dan teknologi Melayu. Dalam hal ini dapat dijelaskan bahawa penghasilan novel-novel fiksyen sains dan teknologi pada awal dekad 1980-an kurang memaparkan identiti Melayu.

Sementara itu, menurut Nisah Haron (2014) satu lagi perkembangan yang cukup menarik pada tahun 1989 ialah penghasilan novel fiksyen sains dan teknologi pertama yang bersifat serius dan matang. Penglibatan pengarang sastera dewasa turut membantu perkembangan penulisan genre fiksyen sains dan teknologi pada dekad tersebut. Jika tahun-tahun 1960-an, 1970-an dan awal tahun 1980-an, genre fiksyen sains dan teknologi dihasilkan bagi memenuhi keperluan bacaan kanak-kanak dan remaja sahaja. Rahmat Haroun menerusi novel *Di. Ar. Ti* (1989) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melakar sejarah tersendiri apabila berjaya mengangkat tema fiksyen sains dan teknologi untuk bacaan khalayak dewasa. Kelahiran novel *Di. Ar. Ti* ini turut menolak persepsi negatif sesetengah pendapat yang mengatakan bahawa novel fiksyen sains dan teknologi bukanlah suatu genre sastera kreatif yang serius (Ahmad Patria Abdullah, 2009).

Menerusi novel *Di. Ar. Ti*, Rahmat Haroun telah memberikan impak yang cukup besar terhadap perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia. Hal ini demikian kerana, beliau telah mengubah corak atau tema yang lazim diketengahkan dalam penulisan genre fiksyen sains dan teknologi pada tahun 1960-an, 1970-an dan awal tahun 1980-an iaitu pengembaraan atau penerokaan manusia ke ruang angkasa, ke dasar laut, ke alam khayal dan kedatangan makhluk asing untuk menakluk bumi dengan menggunakan kapal angkasa. Bukan itu sahaja, Rahmat Haroun juga dalam novelnya tidak menggunakan watak-watak UFO atau robot tetapi manusia biasa yang wujud di alam realiti. Novel *Di. Ar. Ti* mengisahkan watak Doktor Jalani yang ingin melakukan teknik *Death Revival Technique* (Teknik Pemulihan Kematian) terhadap mayat Sutrisno yang baru sahaja meninggal dunia tiga jam yang lalu. Teknik D.R.T yang dilakukan oleh Doktor Jalani ini berjaya apabila Sutrisno hidup kembali. Selepas penghidupan semula Sutrisno, banyak kejadian aneh dan misteri yang berlaku seperti kematian tikus makmal Doktor Jalani dan pemerkosaan mahasiswa di kampus tersebut.

Menerusi pengamatan pengkaji, ada juga peminat dan pengkritik genre fiksyen sains dan teknologi yang menyamakan novel *Di. Ar. Ti* dengan novel epik fiksyen sains Barat iaitu *Frankenstein* (1981) karya Marry Shelley (Syahiran Ramli, 2017). Novel *Di. Ar. Ti* (1989) dan *Frankenstein* (1981) juga mengisahkan suatu percubaan manusia untuk menghidupkan manusia yang telah mati melalui teknik *galvanisme*, iaitu teknik yang ditemui oleh Luigi Galvani (1971). Teknik *galvanisme* ialah sebarang bentuk kaedah perubatan yang mengaplikasikan getaran elektrik pada tisu badan dalam tubuh manusia (Nisah Haron, 2014). Menerusi novel *Di. Ar. Ti*, Rahmat Haroun di angkat sebagai “Bapa Fiksyen Sains”. Hal ini jelas membuktikan bahawa masih wujud pengaruh fiksyen sains Barat dalam penulisan fiksyen sains Melayu dan secara tidak langsung menyebabkan kehilangan aspek identiti Melayu dalam novel-novel yang dihasilkan oleh pengarang tempatan. Demikianlah penghasilan novel *Di. Ar. Ti* yang diterbitkan pada

tahun 1989 oleh Dewan Bahasa dan Pustaka telah mencetuskan fenomena yang luar biasa dalam kesusasteraan Melayu moden terutamanya dalam genre fiksyen sains dan teknologi.

Sementara itu, dekad 1990-an perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi tidak memberangsangkan tetapi masih berterusan (Nazri M. Annuar, 2009). Walau bagaimanapun, pada dekad ini beberapa faktor yang dapat dikesan telah membantu perkembangan penulisan genre fiksyen sains dan teknologi di tanah air. Dewan Bahasa dan Pustaka dilihat sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam meningkatkan mutu penghasilan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia. Antaranya, Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan sayembara, mewujudkan bengkel penulis dan majalah berorientasikan sains. Usaha yang dilakukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka ini juga telah menarik minat dan membuka peluang kepada penerbit-penerbit swasta untuk turut sama mewarnai penghasilan genre fiksyen sains dan teknologi pada dekad tersebut.

Melalui Peraduan Menulis Novel Remaja anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1990, terhasillah beberapa karya daripada penulis muda yang cukup berpotensi. Antara tujuan peraduan ini diadakan adalah untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam arena penulisan novel remaja di samping mendapatkan naskhah yang bermutu untuk diterbitkan sebagai memenuhi keperluan bacaan untuk remaja. Berdasarkan penelitian, dua buah novel fiksyen sains dan teknologi turut menyertai peraduan tersebut dan masing-masing memenangi tempat ketiga dan hadiah penghargaan. Ini menunjukkan perkembangan yang positif kerana sudah ada pengarang sastera remaja yang berani mengetengahkan tema fiksyen sains dan teknologi. Dalam peraduan tersebut, novel *Tekad* (1990) karya Nazel Hashim Mohamad memenangi tempat ketiga manakala *Sisa-Sisa Planet* (1990) karya Zailiani Taslim memenangi hadiah penghargaan.

Menerusi peraduan ini, didapati pengarang telah menggarap pelbagai tema dan persoalan yang lebih berat dan menyentuh tentang kehidupan remaja seperti kemampuan remaja menyelesaikan kekusutan dan keperitan hidup pada zaman *apokalips*. Misalnya, menurut kajian yang dilakukan oleh Jumali Haji Selamat (2012) melalui novel *Tekad* (1990) karya Nazel Hashim Mohamad mengisahkan perjuangan hidup sekumpulan manusia akibat dari kemasuhan bumi. Ramai yang terkorban dan penduduk bumi yang masih hidup terpaksa berundur dan berpindah ke hutan. Sementara itu, makhluk dari bulan yang secara kebetulan terperangkap di bumi turut sama meneruskan kehidupannya di hutan. Di sinilah terjadinya pertembungan dua budaya yang berbeza tetapi mempunyai satu matlamat untuk meneruskan kelangsungan hidup. Pengarang mula memperlihatkan betapa nilai kerjasama dan bergotong-royong serta saling bantu-membantu antara satu sama lain amat diperlukan untuk membina sebuah kehidupan di hutan yang akhirnya di bangunkan menjadi sebuah bandar.

Selanjutnya, penyuburan dan perkembangan karya fiksyen sains dan teknologi semakin berterusan apabila penulis yang dilahirkan dalam Minggu Penulis Remaja (MPR) mula menceburkan diri dalam genre fiksyen sains dan teknologi (S.M. Zakir, 2007). Tiga nama penting penulis fiksyen sains dan teknologi pada era 90-an ialah Ahmad Patria

Abdullah, Hizairi Othman dan Nisah Haji Haron. Ahmad Patria lebih gemar menghasilkan karya fiksyen sains dan teknologi dalam bentuk novel bersiri misalnya *Siri Saga Artakusiad* (1993), *Puteri Alindalia* (1991), *Pedang Aurora* (1993) dan sebagainya. Beliau juga merupakan penulis yang paling setia dengan genre fiksyen sains dan teknologi di tanah air. Sementara Hizairi Othman merupakan seorang penulis yang serba boleh, bakatnya dalam pelbagai genre penulisan termasuk juga genre fiksyen sains dan teknologi yang dihasilkan dalam bentuk novel dan juga cerpen, antaranya *Spesimen Alfa* (1993) dan *Spesimen Beta* (1995). Konsep antologi Ahmad Patria lebih berbentuk fiksyen sains berat sementara Hizairi memilih fiksyen sains ringan (Hizairi Othman, 1998). Manakala Nisah Haron pula cukup sinonim dengan cerpen fiksyen sains dan telah menghasilkan cerpen fiksyen sains yang dimuatkan dalam antologi cerpen dan puisi yang berjudul *Atlantis* (1991) dan *Duniaku Duniamu* (1991). Antologi ini juga merupakan pemenang Hadiah Sastera Siswa.

Memasuki abad ke-21, menurut Sohaimi Abdul Aziz (2010) penulisan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia semakin rancak kerana kemunculan medium sastera siber. Kewujudan laman web dan *e-group* untuk seni dan sastera semakin bertambah. Misalnya, PustakaMaya.net yang telah ditubuhkan pada tahun 2001 oleh Persatuan Penulis Johor, Syarikat Kapas Enterprise dengan label “e-sastera” dan Karyanet oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Institusi ini ditubuhkan bertujuan untuk membentuk kaedah baharu yang lebih tersusun dan sistematik melalui ketegasan pemilihan dan pengisian bahan sebagai bacaan kepada pengguna laman web. Misalnya, menurut Fadli Al-Akiti (2007) Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Sayembara dan Puisi Cereka Sains pada tahun 2003-2005 melalui penyertaan yang dibuat secara atas talian. Sayembara yang dianjurkan ini dilihat berjaya mencungkil bakat-bakat baharu yang berminat dengan tema sains dan teknologi. Beberapa buah cerpen yang memenangi anugerah tersebut ternyata menepati konsep fiksyen sains, iaitu melibatkan spekulasi realistik terhadap kemungkinan peristiwa masa hadapan dan ruang di luar latar dunia hari ini berdasarkan fakta saintifik. Karya-karya terbabit juga dilihat mengemukakan hipotesis terhadap inovasi sains dan teknologi.

Bermula pada tahun 2000, Jumali Haji Selamat (2012) mengatakan bahawa Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan teks komponen sastera atau komsas di sekolah-sekolah menengah bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Matlamat utamanya supaya pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik di samping menjadikan karya sastera sebagai bahan bacaan tambahan kepada remaja. Ini sekali gus dapat menyumbang kepada perkembangan karya fiksyen sains dan teknologi di Malaysia. Teks komsas yang diperkenalkan ini telah membuka peluang yang lebih besar kepada pengarang fiksyen sains dan teknologi apabila karya-karya pemenang menerusi pertandingan Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan yang bermula pada tahun 2000 diangkat sebagai teks komsas kepada pelajar-pelajar di sekolah menengah. Antara novel fiksyen sains dan teknologi tersebut seperti *Wira Pesona Avatari* (2000) karya Ahmad Zaki pemenang tempat kedua pada tahun 2000, *Impuls/Roh* (2009) pemenang tempat pertama pada tahun 2009 dan *Bima Sakti Menari* (2010) pemenang tempat pertama pada tahun 2010. Kedua-duanya merupakan karya Sri Rahayu Mohd Yusop.

Kemudian, pada tahun 2010 hingga 2017 menurut Panel Penilai Sayembara Novel Fiksyen Sains dan Teknologi (2017) penulisan genre fiksyen sains di Malaysia semakin berkembang apabila Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan kerjasama Kumpulan Utusan menganjurkan Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi yang bertemakan sains dan teknologi. Selanjutnya, sayembara ini telah menghasilkan beberapa buah novel yang telah berada di pasaran buku tempatan. Antaranya ialah novel *Kala Yuda* (2010) karya Amer Hamzah L.Kadir, *Kronikel Bumi* (2010) karya Nurul Izwazi Mohd Nor, *ID* (2012) karya Amer Hamzah L. Kadir, *Detik* (2012) karya Amir Husaini, *Equilibria* (2012) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, *Di Sebalik Dinara* (2012) karya Dayang Noor, *Bekamorfosis* (2012) karya Jali Kenoi, *Petaka Bakteria* (2012) karya Kasim Mahmud, *Tawanan Komander Caucasus* (2015) karya Ruzaini Yahya, *Kronikel Etanol* (2015) karya Hafizul Osman, *Transgenik Sifar* (2015) karya Sri Rahayu Mohd Yusop, *Ajal* (2015) karya Ruhaini Matdarin, *Puranakila* (2015) karya Saadiah Ibrahim, *Leksikon Ledang* (2015) karya Nor Azida Ishak dan Fadli Al-Akiti, *Klon* (2015) karya Idris Boi, *Perang Mikrob* (2015) karya Wan Salmah Wan Hassan, *Yang Di Selindung Samudera* (2017) karya Nor Azida Ishak, Ted Mahsun dan Fadli Al-Akiti, *Nafkhatul Faza* (2017) dan *Katalis Neurogenesis* (2017) karya Rosli Mohamad Ali serta *Kuantum dalam Jemala* (2017) karya Ahmad Muzaffar Baharudin.

Berdasarkan sejarah perkembangan karya fiksyen sains dan teknologi ini kajian mendapati pada peringkat awal iaitu pada tahun 1960-an, 1970-an, dan awal 1980-an, karya fiksyen sains dan teknologi ini dihasilkan adalah untuk memenuhi keperluan bahan bacaan khusus bagi golongan kanak-kanak dan remaja. Selain itu, tujuannya adalah untuk menyediakan bahan bacaan tambahan di sekolah-sekolah menengah supaya para pelajar dapat menguasai bahasa Melayu dengan baik dalam pertuturan mahupun penulisan. Memasuki penghujung tahun 1989 sehingga mutakhir ini, karya fiksyen sains dan teknologi mula dihasilkan untuk bacaan dewasa. Situasi ini menunjukkan perkembangan yang positif dalam sejarah penghasilan karya fiksyen sains dan teknologi di Malaysia.

Namun begitu, trend penghasilan genre fiksyen sains dan teknologi di Malaysia belum mencapai tahap yang membanggakan seperti di negara Barat. Di Malaysia, karya fiksyen sains dan teknologi mengalami keadaan yang turun naik dan tidak konsisten. Selain itu, berdasarkan penelitian pengkaji, pada peringkat awal penghasilan karya fiksyen sains dan teknologi di Malaysia sehingga mutakhir ini memperlihatkan penyaduran yang jelas daripada pengaruh fiksyen sains Barat yang mula masuk ke Malaysia pada penghujung tahun 1970-an. Hasilnya karya-karya fiksyen sains dan teknologi yang ditulis oleh pengarang Melayu sehingga mutakhir ini sememangnya menggunakan kerangka dari Barat dan tidak mempunyai identiti Melayu yang berpegang teguh kepada tiga prinsip tersebut iaitu agama Islam, bahasa dan budaya Melayu.

## 1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan pengamatan pengkaji, permasalahan mengenai kekurangan identiti Melayu yang terkandung dalam novel fiksyen sains dan teknologi yang ditulis oleh pengarang Melayu-Islam bukan sesuatu isu yang baharu. Dalam kajian yang dilakukan oleh

Muhamad Fadli Al-Akiti (2007) mendapati bahawa pada awal kemunculan novel fiksyen sains dan teknologi di Malaysia banyak dipengaruhi oleh rancangan siri televisyen dari Barat seperti *Planet of The Apes* (1974), *Star Trek* (1966) dan *Voyage to the Bottom of the Sea* (1961). Di sini dapat dikesan pemikiran Barat telah mempengaruhi penghasilan novel fiksyen sains dan teknologi yang ditulis oleh pengarang Melayu-Islam sejak dari awal lagi.

Menurut Nisah Haron (2014) peniruan secara langsung daripada penulisan fiksyen sains dan teknologi barat menyebabkan ketiadaan identiti Melayu dan kelihatan janggal apabila unsur-unsur tersebut di serap dalam penghasilan novel fiksyen sains dan teknologi pada dekad ini. Penulisan novel fiksyen sains dan teknologi yang ditulis menggunakan kerangka dari Barat tidak sesuai dengan konteks dunia Melayu dari segi agama, bahasa dan budaya masyarakat Melayu.

Tambahan pula, menurut laporan panel penilai Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2010 hingga 2017 mendapati bahawa kebanyakan novel fiksyen sains dan teknologi yang dihasilkan oleh pengarang tempatan terlalu mengikuti gaya penulisan barat yang mementingkan aspek futuristik, spekulatif, dan fantasi sehingga ada karya yang menyanggah kewujudan Tuhan serta mengabaikan aspek identiti Melayu kepada pembaca. Isu seperti ini tidak sewajarnya berlaku kerana rata-rata penduduk di Malaysia adalah orang Melayu yang beragama Islam.

Muhammad Nur Saiful Ghazali (2017) menegaskan bahawa dari segi keaslian penghasilan novel fiksyen sains dan teknologi tempatan, secara umumnya kebanyakan pengarang Malaysia lebih banyak menyadur naskhah fiksyen sains dan teknologi dari Barat. Isu yang sama juga turut dibangkitkan oleh Saleeh Rahamad (2012) mengatakan bahawa perkembangan genre fiksyen sains dan teknologi dalam konteks negara ini masih belum menyerlah dan menggalakkan. Hal ini demikian kerana, pengarang tempatan terlalu taasub mengekor dan mencontohi gaya penulisan fiksyen sains dan teknologi dari barat yang fantastik. Novel fiksyen sains dan teknologi di Malaysia mestilah mengikuti acuan tempatan yang sesuai dengan keperluan masyarakat setempat terutama dari aspek identiti Melayu.

Daripada perspektif pengarang novel fiksyen sains dan teknologi pula, istilah “fiksyen sains” itu sendiri merupakan sesuatu yang aneh dan masih kabur kepada pengarang tempatan. Oleh itu, tidak hairanlah pengarang tempatan menyerap gaya penulisan fiksyen sains Barat dalam penghasilan karya-karya mereka. Hal ini diakui sendiri oleh pengarang fiksyen sains Melayu iaitu Rahmat Haroun (2003) yang mengatakan bahawa ada penulis ingin mengetengahkan idea baharu dalam penulisan *sci-fi* Melayu tetapi mereka tidak mampu melawan pengaruh novelis *sci-fi* Barat yang lagi kuat. Beliau turut menambah terlalu sukar untuk penulis fiksyen sains dan teknologi di Malaysia melakukannya tanpa dipengaruhi oleh tradisi fiksyen sains dan teknologi yang sedia ada yang sebahagian besarnya datang dari Barat. Berdasarkan pandangan tersebut, pengkaji dapat merumuskan bahawa pemikiran pengarang fiksyen sains dan teknologi di Malaysia telah lama menyerap tradisi penulisan fiksyen sains dan teknologi Barat.

Mereka seolah-olah tidak dapat keluar dari belenggu pemikiran novelis fiksyen sains dan teknologi dari Barat dan tidak mempunyai idea sendiri dalam penulisan. Hal inilah yang menyebabkan karya-karya yang dihasilkan tidak memperlihatkan identiti Melayu.

Selain itu, berdasarkan sorotan literatur yang telah dijalankan, didapati bahawa kebanyakan pengkaji lepas lebih memfokuskan kajian tentang identiti Melayu dalam genre-genre sastera yang lain berbanding genre fiksyen sains dan teknologi. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Vina Effendi (2016), Syaidul Azam Kamaruddin (2011), Mohd Izzat Izzuddin Jafri (2020), Muhammad Syahman Mahdi, Yusmilayati Yunos dan Mohd Yuszaidy (2019), Fathin Noor Ain Ramli dan Azhar Wahid (2019), Saravanan P.Veeramathu (2017), Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) serta Zurina Zuber dan Zaemah Abdul Kadir (2012). Kajian-kajian yang dilakukan ini lebih berfokus kepada menganalisis identiti Melayu yang terdapat dalam genre sastera seperti cerpen, puisi, animasi, filem dan iklan. Hal ini menunjukkan bahawa kajian tentang identiti Melayu dalam novel fiksyen sains dan teknologi masih belum dilakukan oleh sarjana terdahulu. Soroton literatur ini juga menunjukkan bahawa terdapat lompong yang ketara dari aspek identiti Melayu dalam novel fiksyen sains dan teknologi.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan permasalahan yang ditimbulkan daripada pandangan sarjana sastera, panel penilai, pengkritik sastera dan penulis, aspek identiti Melayu dalam novel-novel fiksyen sains dan teknologi tempatan harus diteroka dan dirungkai untuk melihat adakah benar dakwaan tersebut yang mengatakan bahawa novel-novel fiksyen sains dan teknologi yang ditulis oleh pengarang Melayu-Islam tidak mengandungi identiti Melayu dan lebih menonjolkan identiti Barat. Permasalahan kajian ini juga timbul daripada sorotan literature yang telah dilakukan oleh pengkaji. Maka kajian perlu dijalankan bagi mengisi kekangan-kekangan yang wujud dalam novel fiksyen sains dan teknologi.

### **1.3 Objektif Kajian**

Pengkajian ini mempunyai matlamat yang ingin dicapai oleh pengkjanya. Oleh itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif kajian dalam menghasilkan kajian mengenai identiti Melayu dalam novel-novel fiksyen sains dan teknologi adalah untuk:

- i) Mengklasifikasi identiti Melayu dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi yang dikaji berdasarkan kerangka teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K).
- ii) Menganalisis identiti Melayu yang terdapat dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi berdasarkan kerangka teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K).
- iii) Merumuskan identiti Melayu yang paling dominan dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi.

## **1.4 Persoalan Kajian**

- i) Apakah aspek-aspek identiti Melayu dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi yang dikaji?
- ii) Apakah aspek-aspek identiti Melayu dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi berdasarkan kerangka teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K)?
- iii) Apakah aspek-aspek identiti Melayu yang dominan terdapat dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi?

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini wajar dilakukan bertitik tolak dari permasalahan berkaitan dengan kekurangan aspek identiti Melayu dalam novel fiksyen sains dan teknologi. Selain itu, kajian ini wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti aspek identiti Melayu dan memperlihatkan rumusan mengenai identiti Melayu yang dominan terdapat dalam novel-novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi yang dikaji sebagai sebuah karya fiksyen sains dan teknologi yang mampu mengangkat aspirasi nasional, membangunkan pemikiran dan peradaban dalam ranah budaya Melayu serta dapat menghasilkan novel fiksyen sains dan teknologi yang beracuan tempatan bersetujuan dengan agama, bahasa dan budaya Melayu. Maka, kajian ini wajar dilakukan untuk kepentingan penulis, penerbit serta khalayak pembaca yang menggemari genre tersebut.

Selain itu, kajian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada pihak penerbit untuk menerbitkan karya fiksyen sains dan teknologi yang bukan sahaja memaparkan aspek futuristik dan spekulatif bahkan aspek kandungannya mampu memberikan nilai-nilai pengajaran kepada pembaca dengan mengetengahkan aspek identiti Melayu. Kajian ini juga penting sebagai satu landasan kepada penulis karya fiksyen sains dan teknologi di Malaysia untuk menghasilkan karya yang bergenre fiksyen sains dan teknologi yang berkualiti serta memenuhi aspek identiti Melayu kepada pembaca Melayu-Islam di Malaysia.

## **1.6 Batasan Kajian**

Dalam menjalankan kajian ini, dua aspek penting yang menjadi asas dalam batasan kajian iaitu batasan bahan dan batasan aspek;

### **1.6.1 Batasan Bahan**

Kajian yang dilakukan ini menggunakan 20 buah novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi anjuran UTM bersama Utusan Publications & Distributions Sdn. Bhd pada tahun 2010 hingga 2017. Selepas tahun 2017, pengajur tidak lagi

mengadakan sayembara tersebut. Kedua, novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya dan *Di Sebalik Dinara* (2012) karya Dayang Nor telah diangkat sebagai teks komsas. Novel *Tawanan Komander Caucasus* dijadikan teks komsas bagi pelajar tingkatan 3 manakala *Di Sebalik Dinara* sebagai teks bacaan pelajar tingkatan 4. Seterusnya, novel *Equilibria* karya Sri Rahayu Mohd Yusop (2015) yang terhasil daripada sayembara tersebut merupakan pemenang Anugerah Buku Negara 2013 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN). Berdasarkan kriteria-kriteria istimewa yang dimiliki oleh novel-novel kajian serta kejayaan yang dicapai jelas menunjukkan bahawa novel-novel ini sesuai dijadikan bahan kajian dalam mengangkat judul penulisan tesis ini. Jadual 1 di bawah menunjukkan novel-novel yang akan dijadikan sebagai bahan kajian dalam penulisan tesis ini, iaitu:

**Jadual 1 : Novel-Novel Kajian**

BIL	JUDUL NOVEL	TAHUN	PENGARANG	PENERBIT	KATEGORI PEMENANG
1	<i>Kala Yuda</i>	2010	Amer Hmzah L.Kadir	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Pertama
2	<i>Kronikel Bumi</i>	2010	Nurul Izwazi Mohd. Nor	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Kedua
3	<i>Tawanan Komander Caucasus</i>	2010	Ruzaini Yahya	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Ketiga
4	<i>Petaka Bakteria</i>	2010	Mohd Kasim Mahmud	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
5	<i>Equilibria</i>	2012	Sri Rahayu Mohd Yusop	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Kedua
6	<i>Detik</i>	2012	Amir Husaini	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Ketiga
7	<i>Bekamorfosis</i>	2012	Jali Kenoi	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
8	<i>DiSebalik Dinara</i>	2012	Dayang Noor	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
9	<i>ID</i>	2012	Amer Hmzah L. Kadir	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
10	<i>Transgenik Sifar</i>	2015	Sri Rahayu Mohd Yusop	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Pertama

### **Jadual 1 : Sambungan**

11	<i>Leksikon Ledang</i>	2015	Nor Azida Ishak dan Fadli Al-Akiti	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Kedua
12	<i>Klon</i>	2015	Idris Boi	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Ketiga
13	<i>Ajal</i>	2015	Ruhaini Matdarin	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
14	<i>Kronikel Etanol</i>	2015	Hafizul Osman	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
15	<i>Perang Mikrob</i>	2015	Wan Salmah Wan Hassan	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
16	<i>Puranakila</i>	2015	Saadiah Ibrahim	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
17	<i>Nafkhatul Faza</i>	2017	Rosli Mohamad Ali	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Pertama
18	<i>Katalis Neurogenesis</i>	2017	Rosli Mohamad Ali	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Tempat Kedua
19	<i>Kuantum dalam Jemala</i>	2017	Ahmad Muzaffar Baharudin	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati
20	<i>Yang Diselindung Samudera</i>	2017	Nor Azida Ishak, Ted Mahsun, Fadli Al-Akiti	Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd	Sagu Hati

#### **1.6.2 Batasan Aspek**

Kajian ini tertumpu kepada aspek identiti Melayu yang diketengahkan oleh pengarang dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2010 hingga 2017. Analisis kandungan terhadap 20 buah novel fiksyen sains dan teknologi adalah untuk melihat empat (4) aspek identiti Melayu yang terkandung dalam novel-novel tersebut iaitu identiti Melayu dalam aspek sosiobudaya, intelektual, estetika dan peradaban. Kemudian, pengkaji akan menganalisis empat aspek identiti Melayu (novel fiksyen sains dan teknologi dalam aspek sosiobudaya, intelektual, estetika dan peradaban secara bersepadu berlandaskan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) janaan Mohd. Yusof Hasan yang terdapat dalam novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan

Teknologi. Seterusnya, pengkaji akan merumuskan aspek identiti Melayu yang paling dominan terdapat dalam novel-novel kajian.

## **1.7      Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan yang memerlukan pengkaji mencari bahan di institusi yang berkaitan dengan bidang kesusastraan Melayu. Oleh itu, pengkaji memperoleh bahan dari Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia (UPM), Pusat Dokumentasi Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), dan Perpustakaan Utama Universiti Malaya (UM). Kaedah ini penting kepada pengkaji untuk mendapatkan bahan-bahan rujukan seperti sorotan kajian, maklumat terperinci mengenai judul kajian, menambahkan pengetahuan berkaitan dengan kajian dan sebagainya.

Seterusnya pengkaji juga menggunakan kaedah analisis teks. Melalui kaedah ini pengkaji membuat pembacaan, penelitian, pemahaman dan penganalisisan yang terperinci terhadap novel-novel yang telah memenangi Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi. Kaedah analisis teks ini penting kerana pengkaji akan mengenal pasti serta menganalisis identiti Melayu yang terdapat dalam novel kajian. Di samping itu, teori SPB4K janaan Mohd. Yusof Hasan digunakan sebagai landasan kajian untuk mengukuhkan analisis kajian yang akan dilakukan dalam Bab 4.

## **1.8      Definisi Operasional**

### **1.8.1    Identiti**

Merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) perkataan identiti membawa maksud sifat-sifat atau ciri-ciri yang terdapat pada seseorang atau sesuatu yang memperkenalkannya atau mengasingkannya daripada yang lain. Identiti adalah ciri-ciri budaya dan latar belakang sejarah yang memperkenalkan seseorang atau satu-satu kaum atau kelompok manusia seperti etnik atau ras yang membezakan mereka dari kelompok yang lain. Tanggapan orang lain terhadap sesuatu kelompok manusia atau kaum juga menyumbang kepada pembentukan identiti sesuatu kelompok manusia atau kaum. Rupa, wajah atau warna kulit tidak semestinya menjadi unsur penting dalam memperkenalkan identiti sesuatu kaum. Dalam konteks ini, tiga unsur penting yang meletakkan seseorang itu sebagai orang Melayu, pertama; beragama Islam; kedua, mampu menyusur galur keturunan mereka yang berasal dari alam Melayu dan ketiga; pengenalan diri (*self identification*) atau memperkenalkan diri sebagai orang Melayu (Wan Hashim Wan Teh, 2010).

Seterusnya, menurut Yaacob Harun (1991) identiti adalah satu konsep yang rumit dan tidak begitu jelas, namun demikian ia digunakan dalam pelbagai bidang seperti politik, ekonomi, budaya dan lain-lain. Dalam bidang politik, identiti lazim dikaitkan dengan

negara bangsa (*nation-state*), kenegaraan (*nationhood*), nasionalisme, patriotisme, negeri (*state*), wilayah (desa) dan aspek-aspek etnisiti termasuk konflik etnik. Dalam bidang ekonomi, identiti dihubungkan dengan pekerjaan, kedudukan kelas sosial dan peluang serta gaya hidup (*life chances and life styles*). Dalam bidang budaya pula, identiti lazim dikaitkan dengan agama, bahasa, seni dan kesenian, budaya material termasuk pakaian, makanan, perhiasan, kraf dan lain-lain.

Selain itu, Nik Hasan Basri (2003) mengatakan bahawa identiti ialah suatu istilah yang sangat kompleks untuk difahami secara tepat kerana para sarjana memberikan pelbagai bentuk pengertian dan teori yang berbeza mengikut subsosial yang dikaji. Secara asasnya, untuk memahami berkaitan identiti, memerlukan jawapan kepada persoalan “siapa saya, siapa ia atau siapa mereka”? Pengertian identiti tidak hanya berfokus kepada definisi semata-mata tetapi perlu dikenal pasti ciri-ciri yang terdapat pada identiti kerana ia “objek” yang mempunyai entiti tertentu untuk ditentukan keadaannya. Manakala Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman (2011) mentakrifkan konsep identiti berdasarkan fahaman psikoanalitik yang dinyatakan oleh Erikson dilihat sebagai idea tentang diri seseorang berdasarkan keadaan yang menunjukkan keunikan, ciri, matlamat dan asal-usul yang menjadikan seseorang berbeza antara satu sama lain. Perhatian yang diberikan oleh Erikson ini lebih bersifat *self-image* dan tidak merangkumi keseluruhan pemikiran sosiologi tentang pengaruh dan kesan menyeluruh terhadap identiti seseorang. Ini diakui oleh Bosma dan Graafsma (dalam Nik Hassan Suhaimi Nik Abdul Rahman) yang mengatakan bahawa pengertian identiti yang diberikan oleh Erikson berbentuk kajian psikoanalitik yang mengaitkan pengalaman seseorang, kesamaan, kesinambungan yang wujud dalam masa dan ruang.

Selanjutnya, menurut Nor Faridah Mat Noang (2015) identiti merupakan istilah yang digunakan dalam bidang sains sosial untuk menjelaskan pengertian atau pemahaman seseorang tentang dirinya sebagai suatu entiti yang mempunyai perbezaan atau keunikan. Identiti berkaitan satu pola tindakan, hasil tindakan atau imej yang dapat diamati kerana ia menjadi aspek penting apabila membandingkan antara seseorang individu dengan individu atau suatu kelompok manusia dengan kelompok yang lain. Beliau menambah lagi, secara keseluruhan, identiti merupakan “tanda pengenalan” yang wujud, melalui tindakan dan imej yang dipamerkan oleh seseorang untuk menunjukkan ciri-ciri istimewa yang dimiliki sebagai mewakili imej yang dibawa dan boleh membezakan dirinya dengan orang lain seperti bahasa harian yang digunakan dalam percakapan, pakaian yang dipakai, kebendaan, kebudayaan, dan lain-lain. Identiti ini juga saling berkait rapat antara hubungan sosial yang berlaku sama ada antara individu yang lain atau satu kelompok dengan kelompok yang lain kerana ia membezakan keunikan yang mewakili individu atau kelompok tersebut.

Selain itu, Nor Faridah Mat Noang juga berpandangan bahawa dalam memperkatakan tentang identiti, ia terbahagi kepada dua bentuk rujukan, iaitu identiti individu dan identiti kolektif (kelompok). Pertama, identiti individu yang bermaksud keunikan yang ada pada diri seseorang yang dibawa sejak lahir dan dibentuk oleh perkembangan lingkungannya. Manakala yang kedua, identiti kolektif yang menekankan pada ciri persamaan dan sepunya dalam sesebuah kelompok seperti bahasa yang dipertuturkan,

sifat kebudayaan dan lain-lain. Identiti daripada pandangan *konstruktivist* melihat ‘identiti’ terbentuk daripada pengaruh keadaan dan bukan secara semula jadi atau biologi. Ia juga cenderung berubah dan bukan bersifat statik. Selain itu, ‘siapa diri kita’ bukan sahaja dibentuk oleh individu itu sendiri tetapi juga terhasil daripada interaksi antara sesama manusia dan juga faktor persekitaran individu tersebut (Haryati Abdul Karim, 2014).

Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa perkataan identiti membawa maksud ciri-ciri, sifat, tanda pengenalan, imej dan sebagainya yang memperkenalkannya atau mengasingkannya dengan orang lain. Dalam konteks kajian ini, yang dimaksudkan dengan identiti ialah ciri-ciri yang dimiliki oleh bangsa Melayu yang membezakannya dengan bangsa-bangsa lain di Malaysia yang ditentukan melalui tiga teras utama iaitu penganut agama Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan adat dan budaya Melayu. Segala tindak-tanduk bangsa Melayu mestilah selari dengan yang pertama (sebagai penganut agama Islam).

### **1.8.2 Jati Diri**

Manakala perkataan jati diri pula merujuk kepada sifat atau ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya, agama dan sebagainya yang menjadi lambang keperibadian individu atau sesuatu bangsa (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2015). Istilah jati diri diambil daripada dua perkataan, iaitu ‘jati’ dan ‘diri’. Jati bermaksud asli, murni, tulen atau tidak bercampur dengan unsur lain. Manakala perkataan ‘diri’ pula merujuk kepada empunya badan. Gabungan istilah jati dan diri membawa maksud sifat atau ciri yang unik dan istimewa yang melambangkan keperibadian seseorang individu atau bangsa. Dari segi istilah, ia adalah satu ciri yang unik dan istimewa dari segi adat, bahasa, budaya dan agama. Hal ini juga bertepatan dengan pendapat Mohd Yusof Othman et al. (2012) mengatakan bahawa jati diri ialah sifat atau ciri unik dan istimewa dari banyak segi seperti adat, bahasa, budaya dan agama yang menjadi teras dalam membentuk sahsiah dan lambang keperibadian seseorang individu atau sesuatu bangsa.

Berdasarkan pendapat tersebut, dapat dijelaskan bahawa perkataan identiti dan jati diri membawa pengertian yang sama dan kedua-dua istilah ini boleh diguna pakai dalam bahasa Melayu. Namun, pengkaji menggunakan istilah identiti bagi penulisan tesis ini. Identiti atau jati diri merujuk kepada ciri-ciri atau sifat-sifat yang dimiliki oleh seseorang individu atau sesuatu bangsa yang memperkenalkannya sebagai suatu individu atau bangsa. Pengertian konsep identiti atau jati diri Melayu mempunyai perkaitan yang jelas dengan takrif Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 160 (2) yang menjelaskan bahawa Melayu adalah seseorang yang menganuti agama Islam, lazimnya bertutur dalam bahasa Melayu dan mengamalkan adat resam Melayu. Hal ini juga jelas dinyatakan oleh Hamidy (2004) iaitu Melayu dilihat dari tiga aspek, iaitu agama, adat, dan bahasa yang digunakan. Dalam konteks inilah dapat dilihat bangsa Melayu mempunyai perbezaan identiti dengan bangsa-bangsa lain. Identiti bangsa-bangsa lain ditentukan oleh keturunan, sedangkan identiti Melayu melihat kepada ketiga aspek di atas, yakni agama yang dianut, bahasa sehari-hari yang digunakan dan adat istiadat yang digunakan dalam lingkungan kehidupan seperti kelahiran, pernikahan dan kematian.

Meskipun mengakui Islam sebagai agama rasmi, namun masyarakat Melayu sangat terbuka dan tidak pernah menolak kemasukan budaya lain yang berbeza agama, etnik, bahasa, bangsa, negara, dan sebagainya. Wilayah Melayu mempunyai masyarakat yang majmuk. Kemajmukan tersebut selain menjadikan masyarakat Melayu menjadi luas wawasannya, berkembang ilmu pengetahuannya juga membuka ruang kepada asimilasi budaya lain. Melayu dan Islam merupakan dua elemen yang tidak boleh dipisahkan. Melayu berkembang kerana Islam dan Islam merupakan identiti Melayu (Heddy Shri Ahimsa-Putra, 2007).

### **1.8.3 Identiti Melayu**

Menurut Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2012) identiti Melayu merupakan satu konsep dalam mencirikan sifat-sifat, keperibadian, keunikan dan keindividuan masyarakat Melayu. Ciri-ciri tersebut terbentuk daripada tiga teras utama iaitu Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan (teras jati diri Melayu). Kedua, bahasa Melayu sebagai bahasa pengucapan dan penglahiran idea serta pemikiran. Ketiga, peradaban dan kesusilaan orang Melayu (terdiri daripada budaya, adat dan perwatakan orang Melayu yang tidak bertentangan dengan yang pertama). Hal ini bertepatan dengan pendapat Syaidul Azam Kamarudin dan Arbai'e Sujud (2017) yang menegaskan identiti atau jati diri merujuk kepada pemahaman dan penghayatan terhadap aspek agama, bahasa dan budaya yang terkandung di dalamnya sifat-sifat unik dan istimewa sebagai simbol dan teras peribadi bangsa Melayu. Pendapat yang sama turut diutarakan oleh Mohamed Anwar Omar Din (2007) iaitu identiti Melayu merupakan satu konsep yang mentakrifkan Melayu sebagai suatu bangsa yang beragama Islam, bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan, mengamalkan adat resam yang dikategorikan sebagai warisan serta institusi diraja sebagai lambang jati diri bangsa Melayu.

Manakala Mohd. Yusof Hasan (1991) pula melihat konsep identiti Melayu daripada perspektif sejarah dan geopolitik. Melayu merupakan satu konsep mengenai perhubungan manusia dan budaya yang diamalkan oleh mereka. Perhubungan ini lahir daripada sejumlah bangsa di Nusantara yang memiliki kesamaan dari segi asal-usul, bahasa, agama, adat istiadat dan kesenian. Manusia yang dimaksudkan itu pada dasarnya berasal daripada satu ras yang sama iaitu Indo-Mongoloid, berasal dari daerah yang sama iaitu Campa, bercakap dalam bahasa yang besar persamaannya iaitu bahasa Melayu, kemudian mempunyai kepercayaan yang sama iaitu Islam, memiliki adat istiadat dan juga banyak persamaannya iaitu adat istiadat Melayu dan memiliki kesenian yang memiliki ciri-ciri yang bersamaan pula. Walaupun sejarah perkembangan politik, pemerintahan dan ekonomi bangsa-bangsa di Nusantara itu berbeza, namun dalam hal-hal bahasa, agama, adat istiadat dan kesenian mereka telah membuat manusia Melayu tergolong dalam satu rumpun, satu dunia yang memiliki ciri khas dan keperibadian tersendiri, iaitu dunia Melayu.

Seterusnya, Zainal Abidin Borhan (2012) dan Asmah Haji Omar (2005) berpendapat apabila memperkatakan mengenai konsep identiti Melayu, perkara utama yang perlu dilihat ialah Islam. Hal ini demikian kerana, Islam merupakan faktor utama untuk membentuk identiti seseorang sehingga digelar sebagai Melayu dan Islam juga

mempengaruhi gaya hidup masyarakat Melayu. Misalnya, apabila seseorang itu memeluk Islam dan berkahwin dengan perempuan atau lelaki Melayu dikatakan masuk Melayu dan akhirnya jadi Melayu. Contoh kedua ialah Cina Peranakan di Kelantan. Mereka mengamalkan cara hidup Melayu walaupun pengaruh agama Buddha. Dalam kes ini, Cina Peranakan Kelantan tidak boleh digelar sebagai Melayu. Hal ini menunjukkan dengan jelas bahawa Islam merupakan asas kepada pembentukan identiti Melayu. Ia bukan sekadar penanda kultural tetapi juga ideologikal. Tegasnya, identiti Melayu terbentuk dari tiga perkara asas iaitu Islam, bahasa Melayu dan budaya Melayu selain daripada raja atau sultan Melayu yang masih kekal pada masa kini di Malaysia. Walaupun faktor raja dan sultan tidak menjadi faktor di Singapura dan Indonesia serta juga daerah Melayu lain, namun Islam, bahasa dan adat Melayu tetap menjadi teras dalam menentukan konsep identiti Melayu.

Pendapat tersebut juga disokong oleh Zakaria Stapa, Noranizah Yusuf dan Abdul Fatah Shaharudin (2012) yang berpendapat bahawa Islam sebagai agama dan sistem kepercayaan yang menjadi teras kepada pembentukan identiti bangsa Melayu. Perwatakan, adab dan kesusilaan orang Melayu adalah berasaskan kepada prinsip tauhid dan hukum syarak. Mana-mana adat yang diamalkan sebelum Islam yang menyalahi syarak ditinggalkan atau diubah supaya selaras dengan tuntutan syarak. Penghayatan nilai tauhid dikukuhkan dalam sistem kehidupan sama ada dalam entiti keluarga, masyarakat atau negara. Hal ini juga dinyatakan oleh Fatimi Hanafi dan Mohd. Zamani (2006), identiti individu Melayu merupakan asas kepada pembentukan sahsiah diri untuk membina peribadi Melayu yang baik, beragama, berakhhlak dan berbudi bahasa serta berpekerti mulia.

Menurut Nik Rosila (2009), terdapat empat teras pembentukan identiti bangsa Melayu berdasarkan buku *Tunjuk Ajar Melayu* karya Tenas Effendy yang merupakan kompilasi ungkapan, pantun, gurindam, petunjuk, petua dan nasihat orang-orang tua: (1) Teras ketaqwaan kepada Allah; (2) Teras akhlak; (3) Teras ilmu pengetahuan; dan (4) Teras muamalah. Teras ketaqwaan kepada Allah merupakan teras yang paling utama dalam pembentukan identiti bangsa Melayu. Orang Melayu dikenali sebagai satu bangsa yang menganut agama Islam dan seluruh nilai, norma serta adat budaya mereka adalah merujuk kepada ajaran Islam. Teras akhlak pula merupakan cerminan kepada segala amalan dan perlakuan seseorang individu. Ia berkait rapat bagaimana seseorang itu menjaga hubungannya dengan Allah, dengan sesama makhluk atau dengan diri sendiri. Islam menganjurkan umatnya supaya berakhhlak dan berbudi pekerti mulia dalam setiap perbuatan mahupun tutur kata kerana kemuliaan dan kehormatan seseorang itu dinilai melalui ketinggian keperibadian akhlaknya. Teras ilmu pengetahuan pula merujuk kepada keperluan untuk memperlengkap diri dengan ilmu pengetahuan yang berfaedah dan tidak melanggar syariat Islam. Ilmu pengetahuan yang dimiliki bukan sahaja bermanfaat untuk kepentingan peribadi bahkan kepada masyarakat, bangsa dan negara. Manakala teras muamalah pula menekankan konsep bersatu padu, bergotong-royong dan bertolak ansur sebagai inti kepada keperibadian dan identiti bangsa Melayu. Selain itu, prinsip muafakat dan musyawarah juga diberi penekanan dalam membentuk identiti bangsa Melayu. Jelaslah bahawa identiti bangsa Melayu berkait rapat dengan ajaran agama Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi pembentukan sikap, ilmu pengetahuan dan kehidupan bermasyarakat juga berteraskan kepada Islam.

Selanjutnya, Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) dalam kajian mereka mengemukakan model Identiti atau Jati Diri Melayu dengan menjelaskan bahawa ajaran agama Islam yang terkandung akidah, akhlak dan syariat saling berkaitan dengan aspek budaya dan adat yang perlu berlandaskan syariat Islam. Tingkah laku dan nilai-nilai masyarakat Melayu juga harus menepati ciri-ciri keislaman. Manakala, bahasa Melayu pula, saling berkaitan dengan penyampaian ilmu mengenai akidah, akhlak dan syariah bagi menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang bertaraf tinggi dan meletakkan kedudukan ilmu dalam kesusasteraan Melayu. Model yang dikemukakan ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga aspek iaitu agama, bahasa dan budaya saling berkaitan antara satu sama lain iaitu aspek yang terkandung dalam keperibadian bangsa Melayu dalam membentuk identiti Melayu.

Berdasarkan pandangan tokoh-tokoh tersebut, dapat disimpulkan bahawa identiti Melayu merupakan satu konsep yang luas dan merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan manusia. Misalnya, Muhammed Fauzi Othman dan Mohd. Azhar Abd. Hamid (2012) Azzurin Mohd Yassin dan Mas Rynna Wati Ahmad (2018) serta Zainal Abidin Borhan (2012) dan Asmah Haji Omar (2005) mengatakan konsep identiti Melayu terdiri daripada tiga asas yang utama iaitu Islam, berbahasa Melayu dan mengamalkan budaya Melayu. Manakala Mohamed Anwar Omar Din (2007) dan Nik Rosila (2009) pula menegaskan bahawa identiti Melayu terbina daripada empat asas yang penting iaitu Islam, menggunakan bahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu dan institusi raja sebagai lambang jati diri Melayu. Seterusnya, Mohd. Yusof Hasan (1991) berpendapat bahawa identiti Melayu terdiri daripada empat elemen iaitu Islam, bahasa Melayu, adat istiadat dan kesenian.

Oleh itu, dapat dijelaskan bahawa dalam konteks kajian novel fiksyen sains dan teknologi, identiti Melayu merujuk kepada tanda pengenalan, sahsiah atau ciri-ciri khas yang ada dalam diri orang Melayu. Konsep identiti Melayu juga mempunyai perkaitan dengan intipati diri seseorang atau dalam konteks bangsa Melayu berdasarkan konsep-konsep penghayatan nilai, sudut pandangan dan pemikiran, sikap, gaya hidup dan pegangan atau prinsip yang mana tidak bertentangan dengan definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 160 (2) iaitu Melayu merujuk kepada satu kaum yang menganut agama Islam, menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan sehari-hari dan mengamalkan adat dan budaya Melayu. Setiap tingkah laku yang dipamerkan mestilah tidak bertentangan sebagai penganut agama Islam. Justeru, identiti yang terdapat dalam diri orang Melayu ini juga dapat dilihat dalam beberapa aspek seperti sosiobudaya, intelektual, estetika dan peradaban seperti mana yang dinyatakan oleh Mohd. Yusof Hasan (2012) dalam teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K.

#### **1.8.4 Fiksyen Sains dan Teknologi**

Fiksyen sains dan teknologi merupakan sebahagian daripada genre yang terdapat dalam kesusasteraan Melayu moden. Lazimnya, genre ini membawakan tema berkaitan dengan sains dan teknologi yang melingkari kehidupan masyarakat yang melatarinya. Cerea sains dan teknologi bukanlah cereka yang mengemukakan ilmu sains dalam bentuk paparan ilmiah, tetapi plotnya digerakkan oleh kesaintifikan proses sesuatu aksi, insiden,

peristiwa dan watak-wataknya di bawah pengaruh proses tersebut. Dalam cereka sains, setiap kejadian yang dianggap pelik dan misteri, dirungkaikan dengan formula dan proses yang munasabah walaupun kebenarannya hanya pada peringkat spekulasi, yakni belum terbukti benar. Apa yang penting ialah mempunyai hujah dan proses yang dapat diandaikan. Dunia dan kehidupan dalam cereka sains ialah dunia kemungkinan, atau yang diandaikan berlaku pada masa depan (Mohd Saleeh Rahamad, 2019).

Menurut Fadli Al-Akiti (2007) fiksyen sains dan teknologi ialah sebuah pembentukan dunia/falsafah/roh/gaya terbaharu atau dinamakan *novum* (diambil dari istilah Latin *novus* yang bermakna “baharu”). *Novum* inilah yang membawa maksud idea, objek, fenomena, atau senario yang diterapkan dalam sebuah cerita, lalu diperlihatkan secara sistematis dan manusiawi iaitu memperlihatkan bagaimana *novum* ini memberikan kesan terhadap watak-watak dalam naratif secara langsung dan pembaca secara tidak langsung. Oleh itu, fiksyen sains dan teknologi dapat dilihat sebagai “rekaan/ciptaan daripada bayangan realiti” yang memberikan kemungkinan-kemungkinan baharu atau penerokaan ke arah penemuan baharu berdasarkan fakta dan pemikiran yang bersifat saintifik.

Selanjutnya, definisi fiksyen sains dan teknologi menurut Salmah Ayob (1981) merujuk kepada karya kreatif yang mementingkan elemen-elemen yang segar seperti fantasi, fakta-fakta dan asas-asas sains yang kuat sesuai dengan kehendak masa serta peringkat usia pembaca. Fiksyen sains dan teknologi membawa khalayak pembaca meninjau dari dunia realiti ke dunia fantasi angkasa lepas atau ke perut bumi. Fiksyen sains dan teknologi yang baik mengandungi satu atau beberapa fakta sains yang diolah dengan baik untuk menimbulkan konflik, memperkembangkannya dan akhirnya menyelesaikan konflik itu. Ini biasanya disokong dengan lambang-lambang kemajuan sains dan teknologi yang meyakinkan. Watak-wataknya pula beraksi dalam lingkungan batas-batas yang tidak melampaui nilai-nilai moral, budaya dan kehendak-kehendak pembaca. Salah satu daripada kelebihan fiksyen sains dan teknologi ialah memberi kemampuan menyuburkan daya imaginasi, spekulasi dan fleksibiliti dalam fikiran pembaca. Kebanyakan hasil sastera yang lain rnencerminkan satu gambaran masyarakat yang statik, tetapi fiksyen sains dan teknologi memberi lebih daripada itu; iaitu selain daripada menggambarkan kemajuan-kemajuan dalam bidang sains dan teknologi semasa, pembaca juga dibawa meninjau ke masa hadapan (futuristik) yang amat berlainan dari apa yang pernah dialami mereka.

Seterusnya, S.M. Zakir (2019) mendefinisikan fiksyen sains dan teknologi merupakan kisah atau peristiwa yang mungkin akan wujud atau berlaku pada masa akan datang. Selain itu, Muhammad Fakhruddin (2015) mengatakan bahawa fiksyen sains dan teknologi ialah sebuah karya yang mengutamakan unsur-unsur sains dan kognitif. Di samping itu, Othman Puteh (1989) mendefinisikan fiksyen sains dan teknologi sebagai penulisan kreatif yang memerihalkan hubungan manusia dan teknologi, manusia dan alam semesta serta cenderung untuk meramal kemungkinan yang wujud, sama ada positif atau negatif, pada masa akan datang dalam sesebuah karya. Menurut Umar Junus (1989) suatu fiksyen sains dan teknologi pada hakikatnya bercerita tentang suatu kejadian di masa lampau. Sesuatu yang telah terjadi. Bahkan suatu *science fiction* yang

dianggap bercerita tentang masa depan, juga mempunyai dasar masa lampau, sesuatu yang telah terjadi. Ia didasarkan kepada kemungkinan-kemungkinan teknologi yang telah ada, tapi kini disempurnakan. Atau ia didasarkan kepada peristiwa dan tokoh masa lampau yang di bawa ke masa depan.

Manakala Mohamed Nazren (2017) berpendapat bahawa fiksyen sains dan teknologi merupakan satu genre sastera yang memaparkan dimensi kemanusiaan dari sudut sains dan teknologi. Sohaimi Abdul Aziz (2014) pula berpandangan bahawa fiksyen sains dan teknologi ialah satu bentuk karya fantasi yang berasaskan fakta saintifik, andaian dan hipotesis yang cuba untuk membayangkan atau meramalkan masa hadapan. Selanjutnya, Adam Roberts (2006) mendefiniskan fiksyen sains dan teknologi sebagai genre atau pembahagian kesusastraan yang jelas membezakan dunia realiti dengan dunia futuristik. Hal ini jelas dinyatakan dalam petikan berikut.

*In other words, science fiction as a genre or division of literature distinguishes its fictional worlds to one degree or another from the world in which we actually live: a fiction of the imagination rather than observed reality, a fantastic literature.*

Berdasarkan definisi di atas, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa novel fiksyen sains dan teknologi merupakan salah satu genre yang terdapat dalam kesusastraan Melayu moden. Kebiasannya, genre ini mengutamakan elemen sains dan teknologi, bersifat futuristik sama ada dari segi latar atau watak-watak. Tema dan persoalan yang diketengahkan pula berkaitan dengan kehidupan masyarakat Melayu dari sudut sains dan teknologi. Dalam konteks kajian ini, novel fiksyen sains dan teknologi merujuk kepada novel pemenang Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi dari tahun 2010 hingga 2017 anjuran UTM dan Kumpulan Utusan.

## 1.9 Kesimpulan

Pengkaji telah memberikan penerangan yang terperinci mengenai aspek-aspek penting yang perlu diberi perhatian sebelum kajian ini dilakukan dengan lebih mendalam. Antara aspek yang menjadi perkara penting dalam bab ini adalah objektif kajian, permasalahan kajian, kepentingan kajian dan batasan kajian. Dengan adanya kesemua aspek ini akan menjadi garis panduan yang utama kepada pengkaji untuk menentukan perjalanan dan tujuan kajian ini dijalankan supaya tidak lari daripada tujuan asal. Selain menjadi garis panduan kepada pengkaji, bab ini juga amat penting kepada pengkaji untuk mengetahui perkara sebenarnya yang ingin dijelaskan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya perbincangan yang dikemukakan dalam bab ini terutama pada bahagian pernyataan masalah dan kepentingan kajian telah memberikan gambaran awal kepada pengkaji bahawa kajian ini adalah wajar untuk diteruskan.

## BIBLIOGRAFI

- A.Aziz Deraman. (2017). Dasar Kebudayaan Kebangsaan dlm Hashim Ismail (ed). *Kebudayaan Kebangsaan Dicabar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman. (2015). *Minda Dunia Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A.Aziz Deraman (1995). *Adat dan Pantang Larang Orang Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- A. Halim Ali. (2014). Estetika Bersepadu: Satu Kaedah Baharu Kaedah Kritik Estetik Dalam Kesusastraan Melayu. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 9 (84-104).
- A. Wahab Ali. (2013, Februari). Konsep Teori Warisan. *Dewan Sastera*, 37-43.
- Abd. Hannan. (2021). *Pengantar Sosiologi: Sejarah, Teori, Paradigma dan Metodologinya*. Kencana: Jakarta.
- Abdul Hadi W.M. (2016): *Hermeneutika, Estetika, dan Religiusitas: Esai-Esai Sastra Sufistik dan Seni Rupa*. Jakarta: Sandras Press.
- Abdul Halim Othman. (1993). *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Abdul Latiff Abu Bakar. (1996). *Konsep Patriotisme dan Nasionalisme*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdul Latif Samian & Khairul Anwar Mastor. (2001). *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latif Samian & Nazri Muslim. (2020). *Sains dan Teknologi Alam Melayu: Hidup Bersendikan Sains, Sains Bersendikan Syarak*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (2004). *Tamadun Rumpun Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Wahab Haji Ismail. (2000). *Falsafah Sains dan Teknologi Moden Menurut Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan. (2020). Bahasa Melayu sebagai Wahana Memindahkan Himpunan Memori Melayu. Dlm *Kecendikiaan Melayu Melalui Bahasa, Sastera dan Budaya*. ed. Hasmidar Hassan dan Puteri Roslina Abdul Wahid. pp 29-52. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

- Abdullah Hassan. (2009). Bahasa Melayu di Persimpangan: Antara Jati Diri dengan Rempuan Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 16:59-81. Diakses pada 9/11/2021 dari,  
<http://web.usm.my/kajh/kajh16/KAJH4Abdullah%285981%29A%5B1%5D.pdf>.
- Adibah Sulaiman @ Mohd Ezad, Azraai Jamsari & Nurliyana Mohd Talib. (2016). Konsep Ilmu Menurut Perspektif Syed Sheikh Ahmad al-Hadi. *ISLAMIYYAT*. 38(2), 93-102 (<http://dx.doi.org/10.17576/islamiyyat-2016-3802-01>).
- Ahmad Mohamad Said. (2009). *Lintasan Sejarah Bangsa: Jati Diri dan Psikik Melayu*. Kuala Lumpur: Kolej Dar al-Hikmah.
- Ahmad Muzaffar Baharudin. (2017). *Kuantum dalam Jemala*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.
- Ahmad Patria Abdullah. (2009, Mac). Penulis Muda dalam Karya Fantasi dan Futuristik. *Tunas Cipta*, 30-33.
- Ahmad Sunawari Long. (2015). *Falsafah Ibnu Khaldun*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Ahmad Zaki A. Bakar, Wan Abu Bakar Wan Abas, Hashim Ismail, Lin Swee Tin, Mohamad Salleh Rahamad, Khalid Mazlan, Yosman Mohd Bain & Badrol Awang. (2015). *Laporan Penilaian Sayembara Novel Fiksyen Sains dan Teknologi UTM-KUMPULAN UTUSAN Musim Ketiga. Melangkaui Ufuk Sayembara Novel*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Zaki Abu Bakar. (2015). Peranan Penulis Fiksyen Sains dan Teknologi. Dlm Saleeh Rahamad dan Rozlan Mohamed Noor (ed), *Sastera Teras Negara Bangsa*. (pp. 395-405) Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (1994). *Teknik Berfikir: Konsep dan Proses: 15 Cara Berfikir untuk Menjana Idea-Idea Kreatif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Al-Qur'Anul Karim. Mushaf An-Nur. Jakarta: Maktabah Al-Fatih Rasyid Media.
- Alias Azhar. (2017). *Sains Islam Vs Sains Barat: Analisis Amalan dan Perbandingan*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (1990). *Kepercayaan Orang Melayu: Berhubung dengan Pertanian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Amer Hmzah L. Kadir. (2010). *Kala Yuda*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Amer Hmzah L. Kadir. (2012). *ID*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributions Sdn Bhd.

- Amir Hassan Dawi. (1999). *Penteorian Sosiologi dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Quantum Books.
- Amir Husaini. (2010, Julai). Apabila Saintis Menulis Novel. *Dewan Sastera*, 31-33.
- Amir Husaini. (2012). *Detik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications &Distributors Sdn Bhd.
- Ann Fullick. (2010). *Sains Forensik*. Terjemahan Sadatul Nazirah Abd. Hamid. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia.
- Ani Haji Omar. (2018). Pantang Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7 (10), 76-97.
- Ani Omar. (2014). Pantang Larang dalam Kalangan Orang Melayu: Analisis dari Perspektif Teori SPB4K. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 1 (7), 76-97.
- Anthony Milner. (2019). *Melayu atau Kemelayuan: Menelusuri Sejarah Idea*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centere.
- Anuar Zaini. (1997). Kemajuan Sains dan Teknologi Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum Islam Malaysia Masa Kini. *Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan*. 17-18 Jun 1997. 1-14.
- Arbai'e Sujud & Madiawati Mamat @ Mustafa. (2011). “Perkara” (Matter) dalam Perisian Cerita Unggas 1: Dari Perspektif Model Persepsi Estetika. *Jurnal Pengajian Melayu*. Jilid 22 (45-65).
- Arba'ie Sujud. (2020, September). Kerelevanan Karya Sastera sebagai Medium Perpaduan. *Dewan Sastera*, 9-15.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Sama Serumpun*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (2005). *Malay Images*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmah Haji Omar. (1986). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Had Salleh. (1985). *Adat Sopan dan Budi Bahasa*. Bandar Darulaman UUM: Penerbitan Sesukala.
- Awang Sariyan. (2015). *Santun Berbahasa* (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2018). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Azlena Zainal & Munir Shuib. (2004). *Meningkatkan Potensi Minda*. Pahang: PTS Publications Sdn Bhd.
